

Newspaper	Berita Harian
Date	28 August 2015

Cari jalan rancakkan pelancongan: PM

» Insiden di luar kawalan, faktor ekonomi antara punca penurunan jumlah pengunjung

Oleh Haspaizi Mohd Zain
haspaizi@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menyifatkan insiden di luar kawalan yang menimpa negara, selain faktor ekonomi semasa antara punca penurunan jumlah pelancong pada suku pertama tahun ini.

Perdana Menteri, berkata insiden Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia serta banjir besar yang melanda Pantai Timur, mengakibatkan kehadiran pelancong pada suku pertama tahun ini menurun 8.6 peratus berbanding tahun lalu.

Beliau berkata, kerajaan memandang serius perkara itu dan akan mencari jalan terbaik me-



Najib bergambar bersama Mas Ermieyati (depan enam dari kanan) dan Hamzah (depan lima dari kiri) serta ahli jawatankuasa Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATA) selepas Program Sejam Bersama Perdana Menteri di PWTC, semalam.

(FOTO BERNAMA)

rancakkan industri yang turut menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara.

Najib berkata, pelancongan adalah industri berpotensi dan pemain industri seperti Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATA) perlu bersama kerajaan mencipta peluang serta merencakkannya.

Penyumbang kelima terbesar "Sektor pelancongan menjadi pe-

nyumbang kelima terbesar ekonomi negara dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) RM61 bilion dan jumlah pendapatan RM72 bilion.

"Kerajaan mengambil serius perkara ini dan memantau situasi ini secara berterusan untuk mencari jalan penyelesaian segera," katanya dalam Program Sejam Bersama Perdana Menteri, anjuran MATA di sini semalam.

Yang hadir sama Timbalan Men-

teri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin; Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Tan Sri Dr Ong Hong Peng; serta Presiden MATA, Hamzah Rahmat.

Perdana Menteri berkata, bagi memulihkan kembali sektor pelancongan yang tejejas akibat pelbagai faktor di luar jangkaan, kerajaan sedang meneliti dan mengambil kira setiap pandangan serta cadangan semua pihak.

Sementara itu beliau berkata, walaupun mencatat penurunan pelancong pada suku pertama tahun ini, Najib yakin segala kemudahan disediakan masih menjadikan Malaysia destinasi utama sektor pelancongan.

"Pelancongan adalah industri berpotensi dan banyak peluang baharu boleh diwujudkan, pemain industri dan kerajaan perlu bekerjasama dan saya yakin menghasilkan masa depan cerah," katanya.